

24/10/1999

Pertemuan suntik semangat baru

Dr Hussain Mohamed

PERAYAAN jubli perak Barisan Nasional (BN) yang berlangsung di Bukit Jalil hari ini perhimpunan terbesar yang pernah diadakan oleh pertubuhan politik campuran itu. Upacara itu ternyata bukan sekadar satu pertemuan di antara barisan pemimpin BN dengan perwakilan yang lumrah sifatnya, sebaliknya satu pertemuan penutup abad ke-20 bagi gabungan parti-parti anggotanya.

Malah, jika dikaji dari sudut persediaan menghadapi pilihan raya umum akan datang, maka pertemuan secara besar-besaran ini menjadi gelanggang bagi mempersiapkan diri menghadapi proses politik itu. Segalanya yang mungkin diluahkan dalam pertemuan ini menjadi satu suntikan semangat baru kepada perwakilan dari seluruh negara dalam usaha untuk mempertahankan kedudukan dan mandat yang sudah sedia ada.

Suntikan semangat baru daripada Pengerusi BN, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan menentukan pula haluan dan penerusan gagasan politik gabungan itu pada masa hadapan. Sebenarnya gagasan politik campuran ini bukan suatu formula politik yang hanya wujud di Malaysia. Memang banyak negara turut mengamalkan strategi politik sedemikian terutama di kalangan negara yang mempunyai masyarakat majmuk seperti Malaysia.

Apa yang boleh dibanggakan ialah kebanyakan negara lain menghadapi kebuntuan dan kemelut politik sehingga memungkinkan tumpasnya gagasan politik campuran di kalangan pelbagai kepentingan kumpulan masyarakat majmuknya, sedangkan BN mampu bertahan dan berterusan sehingga ke usia 25 tahun.

Kes perpecahan politik yang pernah dialami seperti di Myanmar pada akhir 50-an. Fiji pada 1987 dan Republik Congo kira-kira 20 lalu adalah sebahagian peristiwa malang itu. Demikian juga apa yang berlaku di Bosnia-Herzegovina tiga atau empat tahun lalu atau yang bergolak di Kosovo adalah contoh bagaimana rapuhnya perpaduan di kalangan rakyat majmuk itu walaupun isu utamanya adalah perbezaan anutan agama semata-mata.

Malaysia adalah sebuah daripada sebilangan kecil negara yang terselamat daripada gejala buruk politik itu. Tentu saja ada sejarah dan keistimewaan tertentu yang memungkinkan masalah yang menimpa negara-negara lain terhindar di Malaysia. Segalanya berasaskan kepada ciri masyarakat majmuk atau kewujudan masyarakat induk Melayu dan Bumiputera yang saling bertolak-ansur dengan kaum Cina, India, Iban dan Kadazandusun serta lebih 30 etnik lain - yang hari ini adalah komponen 22 juta rakyat Malaysia.

Citra masyarakat majmuk dan kepentingan kumpulan masing-masing telah mentakdirkan perlunya perkongsian kuasa. Dengan demikian, gerakan politik selepas Perang Dunia Kedua di negara ini sudah menyaksikan beberapa percubaan untuk berkongsi kuasa. Perkongsian yang wujud dalam kumpulan menentang pendudukan Jepun di Tanah Melayu (Semenanjung Malaysia) iaitu Malayan People Anti-Japanese Army (MPAJA) sewaktu Perang Dunia Kedua menuntut kerjasama di antara pelbagai kumpulan rakyat untuk menghadapi tentera Jepun.

Secara semula jadi jati diri atau identiti kaum tidak mungkin dapat dihapuskan sama sekali. Tetapi ternyata perkongsian tenaga politik diperlukan seperti yang dimulakan dalam pilihan raya Majlis Perbandaran Kuala Lumpur 1952 yang mana Umno mewakili orang Melayu bekerjasama dengan MCA untuk memenangi pilihan raya berkenaan.

Kerjasama ini yang telah memulakan secara berkesan menjadi detik permulaan gabungan politik di antara Melayu dan bukan-Melayu. Ia direalisasikan sebagai parti Perikatan menjelang pilihan raya Majlis

Perundangan Persekutuan pada 1955. Komponen asal Perikatan ialah Umno yang ditubuhkan pada 1946 dan MCA (ditubuhkan pada 1949) dan MIC. Perikatan yang dikira bernasib baik memenangi pilihan raya 1955 dan seterusnya memperoleh mandat untuk mempersiapkan diri sebagai kerajaan yang merdeka.

Percubaan yang dilakukan oleh parti politik lain iaitu di antara Parti Buruh dan Parti Sosialis Rakyat (dan Parti Konvensyen Nasional) dalam bentuk Barisan Sosialis pada tahun 1950-an dan 1960-an bagaimanapun tidak mampu mengatasi Perikatan. Pakatan berkenaan akhirnya berkubur begitu sahaja.

Formula perpaduan melalui pakatan politik yang dinamakan sebagai Perikatan bagaimanapun tidak berjalan dengan memuaskan berikutan desakan dan tuntutan politik perkauman dalam sebuah masyarakat majmuk di Malaysia adalah cukup kuat. Ertinya masih wujud ruang dan peluang konflik politik perkauman meruap sehingga tercetusnya rusuhan kaum 13 Mei 1969. Segalanya berpunca daripada gara-gara kempen pilihan raya 1969 yang menyaksikan betapa meluasnya perasaan tidak puas hati dan curiga-mencurigai di kalangan rakyat pelbagai kaum.

Namun konflik dan peristiwa pahit itu menghasilkan pengajaran tertentu yang menuntut perubahan dan rombakan dasar serta strategi pembangunan negara seluruhnya. Ada tiga perkara yang perlu diberikan perhatian dalam hal ini, iaitu:

- * Perubahan dari segi ekonomi yang mana Dasar Ekonomi Baru (DEB) telah dirangka dan dilaksanakan untuk tempoh 20 tahun bermula pada 1970. Ia bertujuan membasmi kemiskinan dan menyusun semula struktur masyarakat supaya pengagihan kekayaan ekonomi menjadi lebih adil dan saksama sehingga mampu mengurangkan ketegangan hubungan kaum;

- * Perubahan dari segi sosial yang merangkumi aspek kebudayaan, pendidikan dan komunikasi umumnya. Ini telah memantapkan Dasar Kebudayaan Kebangsaan, Dasar Pendidikan dan yang lebih utama lagi ialah Rukunegara sebagai asas usaha mewujudkan perpaduan dan rasa kekitaan sebagai warga negara di kalangan rakyat; dan

- * Memperluaskan gagasan Perikatan sebagai perkongsian politik kepartian menjadi Barisan Nasional.

Perkiraan penting yang dilakukan pentadbiran Majlis Gerakan Negara (MAGERAN) sewaktu Parlimen digantung dan pemerintahan negara diletakkan dalam keadaan darurat ekoran peristiwa 13 Mei 1969 adalah untuk memulihkan kesejahteraan hidup rakyat seluruhnya. Formula perpaduan dalam mengurangkan kerakusan berpolitik dan memberikan ruang yang strategik lagi bertolak-ansur bagi semua pihak menyertai kerajaan adalah melalui kerangka BN.

Dari segi sejarah, kewujudan BN bermula pada Julai 1970 apabila kerjasama politik di antara Parti Perikatan Sarawak dengan parti yang pernah menjadi pembangkang iaitu Parti Rakyat Bersatu Sarawak (SUPP) diwujudkan. Penubuhan kerajaan campuran di Sarawak diikuti pula dengan penubuhan kerajaan campuran antara Perikatan dan Gerakan yang menguasai Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang.

Kerjasama politik di Pulau Pinang dilakukan pada Februari 1972. Perkongsian kuasa ini adalah satu strategi yang dibuat oleh kepemimpinan Kerajaan Persekutuan di bawah Perdana Menteri kedua, Tun Abdul Razak Hussein (1970-1976) dalam usaha memulih dan meningkatkan kembali penyertaan bukan Melayu, khususnya orang Cina dalam kerajaan, termasuk di peringkat Persekutuan.

Pada April 1972 pula, BN mewujudkan kerjasama dengan Parti Progresif Rakyat di peringkat kerajaan Perak. Parti pembangkang berkenaan cukup berpengaruh di Lembah Kinta ketika itu. Kerjasama politik ini bagaimanapun tidak membabitkan Kerajaan Persekutuan.

Sementara itu, pada akhir 1970-an sudah ada ura-ura untuk mewujudkan

konsep kerajaan campuran antara Perikatan dan kerajaan Pas yang menguasai Dewan Undangan Negeri Kelantan. Pas pada mulanya tidak berminat dengan cadangan berkenaan.

Cetusan idea oleh Datuk (sekarang Tan Sri) Abdul Samad ldris, seorang Timbalan Menteri ketika itu hanya dapat direalisasikan setelah kedua-dua pihak iaitu Umno dan Pas berunding dan mendapat persetujuan majoriti perwakilan parti masing-masing. Rundingan itu disudahi dengan majlis menandatangani satu perjanjian 13 Perkara antara Abdul Razak (mewakili Umno/Perikatan) dan Datuk Mohd Asri Muda (mewakili Pas) pada 28 Disember 1972. Kerajaan Campuran dengan Pas bermula secara rasmi pada 1 Januari 1973.

Sesungguhnya nama 'Barisan Nasional' sebagai sebuah entiti gabungan dan perkongsian parti politik telah mula digunakan pada hari sambutan ulang tahun Kemerdekaan pada 31 Ogos 1972. Bagaimanapun, pengesahan pendaftarannya sebagai sebuah pertubuhan politik hanya disahkan oleh Pejabat Pendaftar Pertubuhan pada 1 Jun 1974.

Komponen asal BN telah bertambah daripada tiga parti politik yang telah mengasaskan Perikatan iaitu Umno, MCA dan MIC menjadi sembilan parti. Enam anggota baru kerajaan itu ialah PPP, Gerakan, SUPP, Parti Pesaka Bumiputera Bersatu (PBB), Pas dan Parti Perikatan Sabah. Pada Ogos 1975, BN menerima keanggotaan parti komponen yang baru, iaitu Parti Berjaya Sabah yang ditubuhkan sebulan sebelum itu. Pada Jun 1976, Snap pula menjadi anggota komponen yang baru.

Dewan Tertinggi pertama BN terdiri daripada Abdul Razak Hussein sebagai Pengerusi, manakala Datuk Michael Chen (MCA) menjadi setiausaha dan Mohd Asri bendahari. Anggota lain mewakili parti-parti komponen lain.

Perkembangan kerjasama politik itu bagaimanapun tidak terlepas daripada masalah kerakusan berpolitik di kalangan anggota komponennya. Satu daripada masalah itu ialah krisis politik yang membabitkan perpecahan dalaman Pas pada September 1977 yang akhirnya menyebabkan parti itu terkeluar daripada BN pada Disember tahun berkenaan. Satu lagi krisis yang pernah menggugat BN ialah penarikan diri Parti Bersatu Sabah (PBS) empat hari sebelum hari pengundian dalam pilihan raya umum pada 20 dan 21 Oktober 1990.

Formula perpaduan nasional melalui pendekatan politik ini bagaimanapun memainkan peranan penting dalam menjamin kelangsungan parti menerajui kerajaan melalui dua cara, iaitu:

* Ia membolehkan BN memenangi setiap pilihan raya yang diadakan. Kemenangan terus-menerus itu membolehkan BN menguasai dua pertiga kerusi Parlimen dalam pemilihan pada 1974, 1978, 1982, 1986, 1990 dan 1995. Malah seperti yang dijangka, kemenangan itu lebih besar daripada yang pernah dicapai oleh Perikatan. (sila lihat rajah); dan

* Mandat yang diperoleh membolehkan arus dan haluan perancangan kemajuan negara dapat diteruskan tanpa banyak gangguan dan halangan.

Namun apa lebih penting ialah formula berkenaan mampu memberi ruang kepada setiap kumpulan politik di seluruh negara turut serta menerajui kerajaan, memainkan peranan, berkongsi kuasa dan mendukung mandat yang diamanahkan pengundi kepada mereka. Walaupun mungkin masih banyak lagi kelemahan dan kekurangan yang perlu diatasi, ternyata perkongsian kuasa dalam BN yang sudah mencapai suku abad adalah formula berkesan untuk mensejahterakan kehidupan rakyat umumnya.

Inilah satu agenda nasional istimewa dalam mengisi impian Malaysia Boleh yang mungkin terpinggir di banyak negara lain seusia negara kita, sebaliknya mereka masih bergelut dengan pelbagai masalah dan konflik politik. Perayaan jubli perak BN adalah detik keramat untuk merenungi kembali kejayaan masa lalu dan mengimbau wawasan dan haluan dalam menerjah alaf baru.

